

Kelab Orator Kolej Kediaman Excellent UMS adakan Fiesta Belia Intelek

NST 28.3.2019



KENANGAN Peserta dan barisan pengurusan KKE bergambar kenangan selepas tamat FBI.

KOTA KINABALU: Kelab Orator Kolej Kediaman Excellent (KKE) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Fiesta Belia Intelek (FBI) yang diadakan buat pertama kalinya.

Penyelaras program, Saravanan Sundara Sakaran berkata program itu dilaksanakan bagi memucuk semangat wacana ilmu yang menonjolkan sisi remaja dalam membangun jati diri berintelek.

"Acara ini antara lain adalah bagi memberi penjelasan dan perkongsian tentang cakna ilmu dan isu-isu semasa dalam kampus khususnya yang berkaitan dengan generasi muda.

"Selain itu, FBI turut bermatlamat untuk memastikan generasi muda khususnya siswa siswi untuk peka dengan perkembangan globalisasi dan modenisasi menerusi pengucapan awam dalam bahasa kebangsaan," katanya kepada New Sabah Times.

FBI dijalankan dalam dua kategori iaitu kategori institusi pengajian tinggi dan kategori sekolah menengah.

Selain UMS, sebuah kolej swasta turut menyertai FBI iaitu North Borneo University College (NBUC).

Enam buah sekolah turut menyertai FBI iaitu SMK Kinarut, SM Sains Sabah, SMK Beaufort II, SM Agama Kota Kinabalu, SMKA Tun Said dan SM Sains Labuan. -Oleh **NOOR ZAFIRA SHAFIE**